

Ada negeri politikkan projek pembangunan: Dr Mahathir

BH 26 MAR 2001

KOTA KINABALU. Ahad – Kerajaan Pusat sentiasa bersikap adil dalam projek pembangunan kepada semua negeri, tetapi menghadapi masalah apabila ada negeri yang diperintah pembangkang mempolitikkan pemberian itu untuk kepentingan pihak tertentu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan Pusat bersedia membantu mana-mana negeri asal negeri itu bersedia mengucapkan terima kasih terhadap pemberian itu.

Katanya, apabila kerajaan Pusat melakukan projek pembangunan di negeri yang diperintah pembangkang, mereka akan mengatakan lihat bagaimana negeri itu juga mendapat pembangunan tanpa perlu menyokong parti pemerintah.

“Ini terutama di negeri yang agak daif dan memerlukan bantuan, tetapi mereka mempolitikkan pemberian yang kita beri.

“Jadi, kerajaan Pusat jadi malas untuk melakukan pembangunan di negeri itu kerana ia digunakan untuk menyokong parti politik mereka,” katanya berucap sebelum meletakkan batu asas pembinaan Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah di Teluk Likas, di sini hari ini.

Kompleks berkenaan yang mengambil konsep pembinaan Pusat Pentadbiran Persekutuan di Putrajaya, menerima peruntukan awal RM100 juta, dibina di kawasan seluas 8.8 hektar terletak berhampiran kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS), dan dijangka siap menjelang 2003.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Pusat tidak meng-

hadapi masalah melaksanakan projek pembangunan di negeri yang diperintah parti politik sama yang memerintah Kerajaan Pusat kerana ia tidak dipolitikkan.

Katanya, Kerajaan Pusat sentiasa ingin melihat hubungan baik wujud antara pentadbiran di peringkat Persekutuan dan negeri kerana ia akan menguntungkan rakyat, Pusat dan negeri.

Beliau berkata, rakyat Sabah sendiri boleh melihat perbezaan ketika negeri itu diperintah oleh pembangkang yang tidak membawa pembangunan berbanding kemajuan yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Katanya, ketika hubungan antara kerajaan Pusat dan kerajaan negeri di Sabah tidak begitu baik sebelum ini, pembangunan agak berkurangan bukan

sahaja membabitkan projek Persekutuan tetapi juga yang dilakukan kerajaan negeri.

Akibatnya, menurut beliau, apabila ada lawatan pemimpin Pusat ke Sabah, kehadiran mereka seolah-olah tidak begitu dialu-alukan.

“Sekarang, keadaan adalah berbeza apabila nampak perubahan agak ketara apabila rakyat negeri ini menyambut kedatangan pemimpin Pusat dan pegawai Persekutuan yang bekerja di sini turut bera-sa selesa kerana mereka menjadi ejen penting pembangunan di Sabah,” katanya.

Justeru, katanya, pembinaan Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah itu boleh dianggap sebagai simbol kerjasama erat antara pemimpin dan kerajaan Persekutuan dan negeri.